

Pendidikan seks wajar diajar di sekolah

BH 2 MAR 2000

KUALA LUMPUR, Rabu — Kementerian Pendidikan digesa memasukkan pendidikan seks sebagai mata pelajaran yang patut diajar berdasarkan 80 peratus daripada jumlah pembawa Virus Human Immunodeficiency (HIV) di Malaysia, adalah belia berumur 20 hingga 39 tahun.

Pengerusi Majlis Aids Malaysia (MAM), Datin Paduka Marina Mahathir berkata, sudah tibamasanya diskritninasikan dan pandangan serong mengenai HIV serta Sindrom Kurang Daya Tahan (Aids) diubah.

"Peraturan ini menunjukkan ia akan memberi kesan negatif kepada ekonotni negara. Adakah kita harus menunggu hingga 2.5 peratus rakyat Malaysia tncngidap HIV/Aids. baru kita bertindak," katanya ketika merasmikan pembukaan Bengkel Ketnahiran Kotnunikasi anjuran bersama MAM dan Rogen Malaysia Sdn Bhd di ibu pejabat MAM di sini, hari ini.

Bengkel itu bertujuan meningkatkan kcmahiran kaunselor memherikan maklumat mengenai HIV/Aids di dalam dan luar negara.